



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

PENGANJURAN PROGRAM IHYA' RAMADAN PERKUKUH SEMANGAT KEBERSAMAAN DALAM KALANGAN WARGA POLYCC

BEHRANG - Sempena dengan kehadiran bulan Ramadan yang mulia ini, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan Program Ihya' Ramadan POLYCC 2026 sebagai platform memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga POLYCC disamping mengimarahkan bulan yang penuh berkat.

Program ini berlangsung serentak di 10 politeknik daripada 10 zon seluruh negara melibatkan lebih 20,000 warga POLYCC dengan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), di sini dipilih sebagai tuan rumah. Hadir sama di PSAS ialah Dr. Shamsuri Abdullah, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Pelbagai pengisian kerohanian dianjurkan seperti Tadarus & Khatam Perdana yang dipimpin oleh kumpulan Tekno Huffaz. Antara pengisian lain adalah TVET STAR @ Ramadan bagi mencungkil bakat dalam bidang hafazan, azan, dan nasyid. Di PSAS, turut berlangsung penyampaian sumbangan zakat oleh Tabung Amanah Zakat PSAS (TAZPSAS) kepada pelajar terpilih serta penyerahan kit barangan keperluan harian kepada 200 penerima terdiri daripada staf dan pelajar PSAS serta komuniti setempat.

Antara sembilan politeknik lain yang terlibat adalah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah dan Politeknik Kuching Sarawak.

Semoga program ini menjadi platform menyemarakkan budaya ilmu, mempererat ukhuwah serta menyuburkan nilai ihsan dalam kalangan warga POLYCC selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
9 Mac 2026**